

4.5 Ujian Iritasi

Iritasi adalah keadaan dimana reaksi setempat terjadi akibat pendedahan kepada entiti kimia atau fizikal secara tunggal atau berganda pada bahagian yang sama. Ia dicirikan dengan kehadiran iritasi yang kelihatan kemerahan, edema, eskar dan juga berkemungkinan kematian sel (nekrosis) terjadi (Martin, 1982).

Ujian iritasi merupakan salah satu ujian penskrinan ketoksikan akut yang penting. Ia adalah untuk mengenalpasti kesan mudarat yang boleh terjadi oleh sesuatu bahan atau drug terutama dari jenis yang diaplikasikan pada kulit untuk memastikan keselamatan pengguna (Kajanapothi *et al.*, 2004). Daun *Cassia alata* L. dan *Cassia tora* L. digunakan dalam perubatan tradisional untuk mengubati penyakit berjangkit pada kulit. Maka, kajian ini dijalankan untuk memastikan bahawa penggunaan ekstrak kedua-dua sampel secara topikal adalah selamat.

Hasil keputusan yang diperolehi menunjukkan tiada sebarang tanda-tanda iritasi seperti eritema, eskar dan edema kelihatan pada telinga tikus yang diperlakukan dengan ekstrak metanol kedua-dua sampel pada kepekatan 2000 mg/kg BT. Ini menunjukkan bahawa ekstrak metanol sampel *Cassia alata* L. dan *Cassia tora* L. tidak menyebabkan iritasi dan dikategorikan sebagai tidak merengsa.

Keputusan dalam kajian ini menyokong penggunaan kedua-dua sampel dalam perubatan tradisional secara topikal dan terbukti adalah selamat dan tidak menyebabkan iritasi.